AMALAN HARIAN SESEORANG BUDDHIS

Oleh: Bhante Dr K Sri Dhammananda

Sebagai satu agama serta cara hidup yang benar, Buddhisme sangat dihargai oleh orang-orang berintelek tinggi di seluruh pelusuk dunia. Perkara ini disebabkan Buddha merupakan guru yang amat semourna pengetahuannya dan berpandangan liberal. Cara hidup sesorang Buddhis amat sederhana, bebas daripada kepercayaan membutatuli dan dogma-dogma. Malangnya ramai orang belum mengerti bagaimana menempuh cara hidup Buddhis yang sebenar.

Dewasa ini di merata dunia, bahkan di kalangan komuniti Buddhis sendiri, berbagai kepercayaan dan amalan masih dilakukan sebagai amalan agama ini. Banyak di antara amalan-amalan ini bukan ajaran asli Buddha dan kadangkala bertentangan pula dengan ajarannys. Sebenarnya ramai orang telah mengabaikan dan melupakan cara hidup seseorang Buddhis yang betul. Ramai juga yang keliru terhadap aspek-aspek tertentu yang penting di dalam agama ini. Dengan tujuan menghilangkan kekeliruan ini dan memberi penjelasan kepada masyarakat Buddhis, buku kecil ini dicetak.

Memahami cara hidup seseorang Buddhis bererti menempuh cara hidup yang benar. Untuk menghargai sifat kehidupan ialah untuk mencapai satu kehidupan yang bahagia dan damai.

Orang-orang tertentu yang disebut golongan intelek menggunakan Buddhismehanya sebagai satu dasar bagi tajuk perbincangan mereka tentang aspek-aspek metafizika dan falsafah agama ini. Mereka mengejek bahkan hingga ke tahap menyalahkan amalan-amalan kebudayaan Buddhis yang telahpun diterima umum. Perkara ini bukan satu sikap yang betul dan sihat terhadap agama.

Agama yang tidak mempunyai pengertian dan yang belum meresap ke dalam kebudayaan tidak akan dapat bertahan; ia hanya akan menjadi falsafah kering yang akan menghilang selepas beberapa waktu. Sifat tolak-ansur merupakan perkara utama di dalam ajaran Buddha. Jika seseorang tidak dapat menerima amalan budaya yang tertentu, dia harus setidak-tidaknya membiarkan amalan tersebut. Seseorang harus meneliti pengertian dan makna disebalik amalan tersebut, bukannya mengeluarkan kata-kata lancang dan tidak tepat pada tempatnya.

Kebudayaan Buddhis telah meresap ke dalam setiap aspek kehidupan kita. Kita sedia maklum bahawa Buddhisme merupakan satu agama yang membimbing kita menuju kehidupan yang lebih baik di alam ini dan selanjutnya. Menjadi tugas kita untuk menyisat, mempelajari, memahami serta melaksanakan apa yang disediakan untuk kita oleh agama ini. Kita memerlukan bimbingan agama untuk kehidupan sehari-harian. Upacara dan adat-istiadat, walaupun diterima sebagai bahagian pelengkap bagi agama, tidak dengan sendirinya menjadi unsur asas agama. Kemajuan batin merupakan aspek terpenting di dalam agama. Untuk mencapai kemajuan batin, kita harus bermula dengan memupuk asas moral yang kuat supaya kita mempunyai satu dasar yang teguh.

Dengan memahami ajaran Buddha kita boleh mendapat inspirasi batin yang diperlukan. Kita akan rasa berterima-kasih dan ingin memberi penghormatan kepada Buddha, Ajarannya dan Sanghanya. Dengan demikian kita mempunyai tiga objek suci untuk kita hormati, iaitu Buddha, Dhamma, dan Sangha, yang di dalam bahasa Pali di sebut ' TiRatana'. Pencapaian kemajuan batin dan penghormatan kepada TiRatana adalah jalan yang dapat membimbing satu cara hidup yang betul menuju kedamaian, kebahagian dan keselamatan mutlak, iaitu matlamat setiap Buddhis. Sementara kita beraspirasi tinggi, kita tidak harus lupakan atau mengabaikan perlaksanaan dan amalan

keagamaan seharian yang mengingatkan kita pada tanggungjawab terhadap agama. Dengan tujuan untuk mengingatkan kepada semua yang berkenaan terhadap kewajipan mereka kepada agama, maka satu ringkasan peraturan mengenai perlaksanaan dan amalan agama Buddha diterangkan untuk kepentingan pembaca.

PERLAKSANAAN HARIAN

Sebagai seorang Buddhis, wajar untuk kita memiliki sebuah imej atau gambar Buddha di dalam rumah, bukan sebagai perhiasan untuk dipamarkan. Akan tetapi sebagai satu objek penghargaan dan penghormatan. Rupabentuk Patung Buddha yang tenang, yang melambangkan Metta (kasih sayang suci), kesucian dan kesempurnaan melahirkan satu sumber inspirasi yang boleh menolong kita mengatasi segala kesulitan, keresahan atau salah faham semasa menjalankan kegiatan harian kita di dalam dunia yang serba pancaroba ini. Hidup penuh dengan rintangan yang boleh dihindari jika kita melaksanakan ajaran-ajaran mulia daripada Guru Agung kita. Ketika menghormati Buddha, kita dapat bermeditasi walaupun sebentar, dengan memusatkan fikiran kita pada sifat-sifat Buddha yang agung dan mulia kita dapat menyempurnakan diri melalui inspirasinya.

MENGHORMATI BUDDHA SETIAP HARI SEBAGAI AMALAN HARIAN

Sebagai penganut Agama Buddha, kita harus untuk memberi penghormatan. Kepada Guru Agung kita setipa hari . Amalan ini boleh dilakukan pada awal pagi atau lewat malam sebelum tidur. Ketika melakukan amalan ini, puja berfaedah jika usaha dibuat untuk membaca Sutta. Cara hidup begini satu amalan Buddhis yang mulia. Ibu-bapa harus memupuk amalan-amalan agama yang bermanfaat dan yang dihormati sepanjang zaman dikalangan anak-anak mereka dengan menyedari dan menghargai pusaka yang berharga ini.

Ibu-bapa yang beragama Buddha digalakkan menghantar anak-anak mereka ke Sekolah Minggu Buddhis atau kelas-kelas agama untuk melatih mereka menjadi anak-anak yang bertanggungjawab dan warganegara yang baik.

Sementara seseorang Buddhis digalakkan untuk melaksanakan amalan agama di dalam rumah, mereka juga diingatkan supaya tidak melupakan atau mengabaikan kewajipan sosial mereka terhadap kegiatan-kegiatan di vihara (wat) pada hari bulan purnama dan hari bulan-baru (hari pertama dan hari ke-15 kalendar Cina. Kunjungan ke sesebuah vihara dan menyertai dalam upacara keagamaan dianggap sebagai satu perbuatan yang berpahala. Mengamal Delapan Sila (Attha Sila) oleh para penganut pada perayaan tanggal satu dan limabelas merupakan satu perbuatan yang berpahala serta berpatutan. Mereka yang menyertai upacara ini diminta untuk berpakaian sederhana yang serba putih dan berada di vihara selama sehari mengambil bahagian di dalam upacara-upacara keagamaan seperti meditasi, perbincangan agama, membaca buku-buku agama serta mngembangkan kasih sayang suci.

PERAYAAN-PERAYAAN

Di dalam menyelenggarakan perayaan-perayaan sosial atau kekeluargaan, umat Buddhis dinasihatkan supaya tidak berkelakuan sedemikian rupa hingga melanggar prinsip-prinsip Buddhis asas seperti Panca Sila dan Jalan Mulla Lapan Lipis. Tatasusila Buddhis harus dipertahankan. Mereka tidak boleh membiarkan diri mereka menjadi mabuk atau dipengaruhi oleh sebarang bentuk keseronokan, tetapi mereka seharusnya mengadakan perayaan-perayaan tersebut dengan cara terhormat sepadan dengan kedudukan mereka sebagai seorang Buddhis yang terpelajar. Semasa merayakan upacara sosial, seseorang dinasihatkan supaya tidak melupakan aspek-aspek rohani berkenaan dengan perayaan tersebut. Gunakan kesempatan ini berkunjung ke vihara untuk menerima berkat TiRatana .

TRADISI DAN ADAT

Perlaksanaan tradisi dan adat nasional tidak semestinya perlu dibuang bila seorang menjadi penganut atau mengikuti ajaran Buddha. Sesungguhnya Buddha menasihati pengikut-pengikutnya supaya menghormati tradisi dan adat mereka jika ianya bererti, penting dan tidak merosakkan kebahagian orang lain. Sebaliknya, jika amalan-amalan ini bertentangan atau melanggar prinsip-prinsip asas agama Buddha, membahayakan orang lain atau yang boleh menyusahkan, maka amalan-amalan itu hendaklah dibuang walau betapa baik pun tujuan amalan-amalan tersebut. Bahkan semasa mengatur upacara keagamaan kita, menjadi tanggungjawab kita untuk menyusun upacara-upacara itu dengan cara-cara yang terhormat yang diterima tanpa menyusahkan orang lain. Pengertian ini sangat penting dalam melaksanakan amalan agama kita di dalam masyarakat yang berbilang bangsa dan agama.

PEMBERKATAN RUMAH

Medudukii sesebuah rumah baru atau berpindah dari sebuah rumah ke sebuah yang lain sering diikuti dengan beberapa bentuk perayaan atau majlis keramaian. Tidak ada karangan terhadap perayaan seperti ini tetapi selain daripada perayaan daripada segi sosial adalah menjadi satu tradisi Buddhis bagi keluarga itu menjemput para bhikkhu untuk mendapatkan berkat Ti-Ratana demi kedamaian, kesejahteraan dan keharmonian seisi rumah.

PENGHORMATAN KEPADA DEWA

yang Di dalam beberapa keluarga Buddhis, sekali-sekala diadakan kenduri-kenduri tertentu atau pesta-pesta khas untuk menghormati dewa yang dipuja di dalam rumah mereka atau di vihara. Walaupun tidak ada bantahan spesifik untuk perkara ini selagi ia tidak melanggar asas-asas utama Buddhis, kita harus sedia maklum bahawa pesta-pesta sedemikian tidak membantu kemajuan batin kecuali untuk keuntungan material duniawi sahaja. Perkara-perkara itu harus dibezakan dengan jelas daripada Buddhisme. Oleh itu, kita tidak harus memperkenalkan adat atau amalan menurut tradisi sebagai amalan-amalan Buddhis. Menurut ajaran Buddha, cara yang betul untuk mengenang dan menghormati dewa-dewa dengan mendanakan pahala kepada mereka setelah melaksanakan perbuatan berpahala dan memancarkan kasih sayang suci kepada mereka melalui meditasi.

MEMBERKATI BAYI YANG BARU LAHIR

Ibubapa kepada anak yang baru dilahirkan dijemput membawa anak sebulan selepas kelahirannya ke vihara untuk memerima berkat Ti-Ratana. Persembahan bunga-bunga, dupa, lilin atau buah-buahan boleh dilakukan di vihara dan para bhikkhu yang tinggal di situ dijemput untuk membaca sutta-sutta memberkati anak. Jika sudi, nasihat boleh didapati daripada bhikkhu untuk memberi nama Buddhis yang sesuai bagi anak itu.

PERKAHWINAN

Telah diperhatikan bahawa ramai Buddhis mudah melupakan keperluan spiritual mereka berkenaan dengan peristiwa yang paling penting dan saat yang paling bertuah di dalam hidup mereka – perkahwinan mereka. Adalah menjadi adat di beberapa negara Buddhis bahawa pasangan yang bertunang mengundang para bhikkhu untuk mengadakan upacara pemberkatan di rumah mereka ataupun di vihara sebelum hari persandingan. Jika dikehendaki, upacara pemberkatan tersebut boleh dilakukan selepas perkahwinan yang biasanya berlangsung di Pejabat Pendaftaran Perkahwinan atau di rumah pihak-pihak yang berkenaan.

Diharapkan agar semua pasangan-pasangan Buddhis akan mengamal dan mengerjakan dengan rajin kewajipan-kewajipan agama bila mereka berkahwin. Persembahan yang sederhana berupa bunga-bunga, dupa dan lilin sahaja diperlukan untuk upacara pemberkatan sederhana yang boleh disertai oleh ibubapa kedua belah pihak dan saudara-mara serta kawan-kawan yang dijemput untuk turut serta. Perkhidmatan keagamaan yang dilangsungkan pada hari yang bertuah ini akan menjadi satu sumbangan spiritual untuk kejayaan, kemajuan serta kebahagiaan pasangan yang berkahwin.

SAKIT

Dalam keadaan ketika ditimpa kesakitan, selain daripada menumpu kepada rawatan perubatan yang biasa, adalah baik juga para bhikkhu dijemput untuk melakukan upacara pemberkatan agama yang bertujuan mempercepatkan penyembuhan pesakit. Pemberkatan seperti ini dapat menanam pengaruh spiritual dan psikologi pada pesakit sehingga mempercepatkan penyembuhannya. Terutamanya bila penyakit berhubungan dengan psikologi pesakit dan lemah semangat, upacara pemberkatan spiritual oleh seorang bhikkhu banyak membantu memperapatkan penyembuhannya.

Seorangnya terdapat kepercayaan bahawa penyakit itu disebabkan oleh pengaruh buruk dari luar atau hantu upacara pemberkatan agama adalah penawar yang baik. Walaubagaimanapun, sebagai seorang Buddhis yang mengerti agamanya, kita tidak seharusnya menyerah diri kepada kepercayaan-kepercayaan atau khayalan-khayalan karut bahawa penyakit kita disebabkan oleh hantu. Nasihat Buddha : "Bila badanmu sakit, jangan biarkan fikiranmu juga menjadi sakit," sungguh tepat pada masanya. Sesuai dengan nasihat ini, kita harus berpandu kepada kecerdasan minda dan fikiran untuk mengutamakan rawatan yang sesuai dengan penyakit kita, bukannya menyerah kepada ketahyulan yang tidak berasas. Meskipun demikian, kita harus sentiasa ingat bahawa jatuh sakit sebahagian daripada kewujudan harian di dalam dunia dan kita harus menerimanya dengan sikap yang positif.

UPACARA UNTUK KEMATIAN

Hidup manusia memang tidak menentu tetapi kematian di suatu hari kelak sudah pasti akan terjadi. Namun begitu, kematian satu peristiwa yang sedih dan memilukan. Upacara kematian yang akan dilangsungkan mesti suatu upacara yang sopan dan bersesuaian dengan keadaan. Bertentangan dengan kepercayaan popular di dalam masyarakat, upacara perarakan pengkebumian orang Cina yang bising, dan kadang-kala menunjuk-nunjuk yang menelan belanja ribuan ringgit dan sering disindir sebagai amalan agama Buddha sebenarnya bukan amalan Buddhis sama sekali. Kebiasaan ini ekoran daripada adat dan tradisi kuno yang berasal daripada generasi lampau.

Penganut-penganut agama lain sering hairan bila melihat perarakan seperti itu, Apakah upacara itu untuk merayakan satu pesta yang gembira ataupun perarakan pengkebumian yang sopan dan bertepatan pada waktunya. Walaupun Buddhisme tidak keberatan terhadap penerusan amalan-amalan tersebut selagi ianya tidak bertentangan ddengan ajaran-ajaran Buddha, tetapi dirasai bahawa sudah sampai waktunya amalan-amalan yang merugikan, tidak ekonomi, dan yang tidak memberi manafaat kepada si mati harus dihapuskan. Perlaksanaan upacara-upacara tradisi yang cerewet atau istiadat pengkebumian sedemikian yang kadang-kala berlanjutan sampai berhari-hari atau berminggu-minggu lamanya patut dibuang serta tidak digalakkan. Amalan tradisi yang lain ialah pembakaran kertas-colok dan rumah kertas yang dimaksudkan untuk kepentingan si mati. Amalan seperti ini jelas bukan bersifat Buddhis dan patut dihentikan.

Istiadat pengkebumian secara Buddhis harus sederhana, sopan, terhormat dan bererti. Para bhikkhu boleh dijemput ke rumah si mati untuk membaca sutta-sutta sebelum menjalankan pengkebumian. Perkhidmatan seperti ini diberi dengan sukarela tanpa di kenakan bayaran oleh para bhikkhu. Persembahan bunga-bunga, pembakaran colok dan lilin merupakan amalan kebiasaan.

Pada hari pengkebumian, khidmat para bhikkhu boleh diminta untuk melaksanakan upacara agama yang diperlukan di rumah dan di perkuburan. Telah menjadi kebiasaan bagi orang-orang Cina untuk menghidang segala jenis masakan termasuk babi bakar dan ayam sebagai simbol persembahan untuk si mati. Amalan ini juga merupakan satu amalan tradisi yang tidak digalakkan oleh Buddhisme. Persembahan bunga yang sederhana berserta dengan pembakaran dupa dan lilin sudah mencukupi sebagai simbol persembahan.

Penyembelihan binatang-binatang yang tidak berdosa untuk dijadikan persembahan korban bagi si mati jelas bertentangan dengan ajaran Buddha yang maha pengasih dan patut dihapus sama sekali.

PENGKEBUMIAN DAN PEMBAKARAN MAYAT

Ramai penganut agama Buddha mengalami masalah menentukan sama ada mayat si mati patut dikebumikan ataupun dibakar. Buddhisme bersikap dalam perkara ini. Tidak ada peraturan yang keras dan ketat, meskipun di beberapa negara Buddhis, pembakaran mayat merupakan amalan kebiasaan. Pemilihan atas sesuatu cara penguburan pada dasarnya bergantung pada 'permintaan terakhir' daripada si mati atau atas budibicara sanak-saudaranya.

Daripada segi pandangan moden pembakaran mayat satu bentuk penetapan mayat yang bersih dalam segi kesihatan dan patut digalakkan. Dengan kemajuan taraf kesihatan dan meningkatnya bilangan penduduk, tanah yang sesuai dipakai untuk pertanian, perumahan dan industri semakin tidak mencukupi. Oleh itu dinasihatkan supaya pembakaran mayat dipilih untuk membolehkan tanah yang berharga gunakan untuk orang yang masih hidup daripada memenuhi tanah dengan batu nisan yang tidak terkira banyaknya.

Baik dalam pengkebumian mahupun pembakaran mayat, telah diperhatikan bahawa terdapat orang-orang tertentu memasukkan barang-barang berharga milik si mati ke dalam keranda atau tempat pembakaran dengan harapan dan kepercayaan bahawa si mati akan menerima faedah daripadanya. Selain daripada perasaan sentimen terhadap perbuatan itu, mengharapkan bahawa pengkebumian atau pembakaran barang-barang tersebut sesungguhnya akan mendatangkan pahala adalh sia-sia. Daripada dimasukkan ke dalam keranda atau tempat pembakaran, lebih baik jika barang-barang kepunyaan yang berguna seperti pakaian, kasut dan lain-lainnya didermakan kepada orang miskin dan yang memerlukan atau kepada institusi-institusi kebajikan. Setiap pertolongan kepada orang miskin dan yang memerlukan bantuan, merupakan suatu perbuatan yang berpahala.

PENETAPAN ABU

Pertanyaan sering ditujukan tentang apa yang harus dilakukan terhadap abu mayat yang telah dibakar. Tidak ada peraturan yang ketat tentang penetapannya. Abu boleh disimpan di dalam sebuah guri diletak di dalam sebuah pagoda yang didirikan khas untuk maksud itu didalam vihara ataupun boleh disimpan di tempat lain mengikut kehendak sanak-saudaranya. Kadangkala, setelah upacara keagamaan yang ringkas, abu ditaburkan ke dalam laut ataupun sungai.

MENGHORMATI ORANG YANG TELAH MENINGGAL

Kita sedia maklumkan bahawa persembahan bunga-bunga satu cara memberi penghormatan terakhir yang diterima ramai untuk mengenang orang yang telah meninggal dunia. Namun dalam hubungan ini, terdapat juga perkara-perkara yang dilakukan berlebihan hinggakan kadang-kala kita boleh melihat kalungan-kalungan bunga bernilai ribuan ringgit dihimpun di atas kubur dan kemudiannya hanya akan dibuang sebagai sampah selepas satu atau dua hari. Untuk menghindari pembaziran seperti ini, satu amalan yang lebih baik dan dan berpatutan boleh diamal. Amalan ini ialah sebagai pengganti kalungan bunga, daging manis ataupun kertas-colok, keluarga si mati menyiarkan melalui iklan suratkhabar memaklumkan kepada kawan-kawan atau sanak-saudara yang ingin memberi penghormatan mengingati si mati berderma kepada institusi-institusi agama atau kebajikan diatas nama si mati. Kadang-kala, sesebuah institusi dimana si mati pernah bergiat aktif semasa hidupnya dinamakan sebagai penerima derma. Perubahan sikap ini positif, sungguh bermakna dan harus disambut dengan sukahati. Disyorkan supaya amalan ini diikuti oleh semua orang Buddhis yang sedar dan lebih berpengetahuan tentang agam a mereka.

Penghormatan kepada si mati biasanya diberi terdahalu oleh keluarganya yang terdekat. Penghormatan ini dengan mudah boleh diberi anak-anaknya atau sanak-saudaranya dengan membantu persiapan mayat ke dalam keranda. Malangnya disebabkan kekeliruan, ketahyulan, ketakutan atau prasangka yang sering terjadi, kewajipan atau penghormatan yang terakhir ini jarang dilakukan oleh orang-orang yang berkenaan.

Sebaliknya, beberapa orang petugas diupah untuk membersih dan membajui mayat. Seharusnya tidak sedemikian. Prasangka dan ketahyulan harus dibuang. Penghormatan harus diberi kepada simati dengan hati yang terbuka.

Diharap risalah kecil ini sedikit sebanyak telah menyingkir apa jua kekeliruan dan prasangka yang ada pada diri seseorang Buddhis tentang amalan-amalan kebudayaan yang sedia ada.

Diterjemahkan oleh Persatuan Buddha Wakaf Baru,
Wat Pracacinaram, Kampung Kulim, Wakaf Baru, Kelantan.
Penyunting: K Don Premaseri

UNTUK BUKAN MUSLIM SAHAJA